

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah universiti dan pelajar di Malaysia pada tahun 2019 (public & private universities) dan ranking universiti-universiti ini di peringkat global mengikut "*Global Higher Education Ranking System*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 20 buah universiti awam (UA) dan sehingga 31 Disember 2018 terdapat 452 buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Pada tahun 2018, bilangan enrolmen pelajar di UA adalah seramai 552,702 orang dan 576,982 orang pelajar di IPTS.

Berdasarkan laporan *QS World University Rankings 2020* yang dikeluarkan pada 19 Jun 2019, Universiti Malaya telah berjaya disenaraikan di antara 70 universiti terbaik di dunia berbanding di tempat ke-114 pada tahun 2018. Empat lagi UA juga berjaya menunjukkan peningkatan yang membanggakan, telah berjaya menempatkan dalam 100 universiti terbaik dunia berbanding tahun 2018. Sebagai contoh Universiti Putra Malaysia di kedudukan ke-159, Universiti Kebangsaan Malaysia di kedudukan ke-160, Universiti Sains Malaysia di kedudukan ke-165 dan Universiti Teknologi Malaysia di kedudukan ke-217.

## NO. SOALAN : 2

Selain itu, IPTS yang disenaraikan dalam 'top 500' iaitu UCSI University dan Universiti Teknologi Petronas. Di dalam kedudukan 'top 1000' *QS World University Rankings*, terdapat 13 buah UA dan IPTS iaitu Taylor's University, Management and Science University, Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Perlis, Sunway University, Universiti Malaysia Pahang, Multimedia University, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Malaysia Sabah.

Selain itu, untuk kedudukan Asia, berdasarkan QS University Ranking: Asia 2020 yang dikeluarkan pada hari ini iaitu 27 November 2019, kedudukan Universiti Malaya (UM) buat pertama kalinya dalam sejarah kita adalah di tangga pertama di Malaysia dan ke-13 di Asia, berbanding di tangga ke-24 pada tahun 2018.

Peningkatan ketara berlaku bagi UiTM iaitu pada kedudukan 158 pada tahun 2018, kita telah berjaya meningkatkan kepada 119 pada tahun 2020. Begitu juga bagi UMP telah menduduki di tangga ke 290 pada tahun 2018, telah meningkat ke tangga 134 pada tahun 2020. Ini semua adalah hasil daripada usaha pembaharuan holistik yang telah dilakukan semenjak tahun 2018.

Selain kedudukan universiti secara keseluruhan, Kementerian juga berpandangan bahawa kedudukan sesebuah universiti boleh juga dilihat berdasarkan pengkhususan subjek. Universiti Malaya misalnya berada pada kedudukan ke-15 dunia dalam bidang kejuruteraan atau *engineering* berdasarkan *U.S. News and World Report*. Kementerian sentiasa mengambil semua langkah yang perlu untuk meletakkan universiti awam dan universiti swasta di peta dunia. Pelbagai inisiatif telah dilakukan ke arah tujuan tersebut. Kebanyakan inisiatif ini dilakukan secara tidak konvensional dan secara radikal.

Antaranya ialah proses pengantarabangsaan. Kita mensasarkan lebih banyak kolaborasi dan kerjasama substantif antara universiti awam, universiti swasta dan juga universiti tersohor dunia. Saya sendiri telah mengambil inisiatif peribadi pergi ke universiti tersohor di dunia untuk memadankan mereka dengan university di Malaysia. Kita akui untuk

## **NO. SOALAN : 2**

bersaing dengan universiti raksaksa ini mungkin mengambil masa yang panjang tetapi kita melakukan kolaborasi bersama-sama dengan mereka. 'If you cannot beat the giant, you be friend with them, so you be known as friend of the giant' dengan izin.

Walau apa pun, Kementerian ingin menekankan peranan universiti adalah untuk perkembangan holistik, mengembangkan cabang-cabang ilmu tradisional dan moden, penjana modal insan yang holistik dan cendekiawan, memacu pembangunan negara dan menyelesaikan masalah sebenar masyarakat serta mendidik masyarakat adalah lebih utama dan tidak boleh sama sekali dikesampingkan dalam usaha kita mengejar kedudukan universiti yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.